

# Gantung Muhyiddin mesej jelas Majlis Tertinggi



MOHD IZANI  
MOHD ZAIN

**Selepas** 213 hari atau tujuh bulan digugurkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akhirnya digantung daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Hukuman berkuat kuasa serta merta sehingga pemilihan parti akan datang yang ditunda ke tahun 2018. Jawatan nombor dua UMNO kini dijalankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Penggantungan sememangnya sudah dijangka apabila beliau tidak mahu bekerjasama, sebaliknya terus mengkritik Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak.

Asas keputusan merujuk kepada perkara 9.8.2.1 Perlengkongan UMNO, iaitu peranan Tim-

balan Presiden UMNO untuk membantu tugas-tugas Presiden.

Sejak digugurkan daripada kabinet, Tan Sri Muhyiddin dilihat gagal membantu presiden menjalankan tugas. Beliau juga tidak sehaluan dengan kepimpinan tertinggi UMNO dalam banyak perkara.

Semalam, Naib Presiden, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mempergerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) apabila Najib dan Ahmad Zahid mengambil keputusan untuk berkecuali.

## Pendekatan berkecuali

Yang menarik dalam isu ini ialah ketiadaan Najib dan Ahmad Zahid ketika perbincangan dan

membuat keputusan menggunakan Muhyiddin.

Langkah ini dianggap pendekatan berkecuali kerana tidak mahu dilihat mempengaruhi keputusan ahli MT. Ia juga untuk tidak memberi tekanan kepada mereka membuat keputusan terbaik demi masa depan parti.

Apa yang jelas, penggantungan Muhyiddin bukan keputusan presiden semata-mata, tetapi kehendak ahli MT secara sebulat suara.

MT tidak mahu masih ada ketidaksefahaman dalam kepimpinan parti, sebaliknya mereka mahu bergerak ke hadapan sebagai satu pasukan dan saling bekerjasama demi kelangsungan parti.

Walaupun tiada lagi jawatan Timbalan Presiden, Muhyiddin kekal sebagai ahli UMNO. Beliau tidak dipecat. Kedudukan sebagai Ketua UMNO Bahagian Pagoh juga masih selamat.

Setakat malam tadi, belum ada reaksi daripada Muhyiddin. Bagaimanapun, UMNO Pagoh dilaporkan akan bermesyuarat hari ini bagi membincangkan keputusan itu.

Persoalannya, apakah implikasi keputusan kepada UMNO? Hal ini amat menarik untuk kita perhatikan dari semasa ke semasa.

## Penulis

ialah Profesor Madya Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)